

19/11/1999

Pekerja pos terima bonus 17 Disember

KUALA TERENGGANU, Khamis - Seramai 11,000 pekerja Pos Malaysia Berhad (Pos Malaysia) di seluruh negara akan menerima bonus pendahuluan sebulan gaji yang akan dibayar pada 17 Disember ini.

Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Zainol Mahmood berkata, pemberian bonus itu adalah sebagai bayaran pendahuluan bagi membantu meringankan beban pekerja syarikat untuk menghadapi Aidilfitri dan perbelanjaan persekolahan anak.

Katanya, Pos Malaysia akan menimbang pemberian bonus tambahan apabila penutupan kira-kira kewangan syarikat dibuat pada Mac tahun depan.

Menurutnya, pengagihan bonus kepada pekerja syarikat itu diberikan berdasarkan kemampuan yang ada berikutan pencapaian perniagaan syarikat.

"Dengan pemberian ini diharapkan pekerja dapat meningkatkan produktiviti masing-masing," katanya di Kuala Lumpur semalam.

Beliau berkata, Pos Malaysia dijangka memperolehi keuntungan selepas cukai RM75 juta sebelum akhir tahun ini.

Katanya, usaha sedang dipergiatkan oleh syarikat untuk meneroka bidang perniagaan baru yang boleh membantu menambah sumber kewangan termasuk di bidang elektronik mel selaras dengan perkembangan alaf baru.

Sementara itu, Kesatuan Pekerja Pos Pakaian Seragam (Upus), berikrar menyokong penuh kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan Barisan Nasional (BN).

Presidennya, Amzah Omar, berkata keputusan itu dicapai sebulat suara pada akhir persidangan perwakilan Upus ke 13 yang diadakan di Klang, Selangor, yang berakhir semalam.

Kira-kira 4,000 ahli kesatuan itu akan bekerja keras bagi membantu calon BN di seluruh negara mencapai kemenangan masing-masing pada pilihan raya umum nanti.

"Kesatuan sudah menghantar telegram kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai keputusan pernyataan sokongan itu semalam," katanya.

(END)